

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9 772232 157005

Kempen Derma Kilat untuk Gaza



Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam yang prihatin dan penyayang, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak telah melancarkan derma kilat untuk Tabung Aman Palestin, sebagai salah satu usaha untuk membantu rakyat Gaza yang menjadi mangsa kekejaman Zionis. Pejabat Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (ICAN) UiTM Sarawak telah menjalankan kutipan Tabung Aman Palestin ini bermula dari 8 Ogos sehingga 13 Ogos 2014. Sambutan daripada pihak pengurusan atasan sehinggalah para pelajar amat menggalakkan. Malah, persatuan dalaman staf iaitu Persatuan Wanita UiTM (PEWANI) Sarawak, Kelab Kebajikan, Rekreasi & Sosial Kakitangan (KEKiTA) UiTM Sarawak dan juga Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) turut memberi sumbangan. Jumlah kutipan yang berjaya dikumpul sepanjang kempen adalah sebanyak RM5000.00.

Menurut Profesor Dato' Dr. Jamil Haji Hamali, Rektor UiTM Sarawak, usaha ini akan berterusan, di mana UiTM Sarawak berbesar hati untuk memberi bantuan bukan sahaja dari segi kewangan, malah juga dari segi khidmat nasihat dan kepakaran kepada Aman Palestin Cawangan Sarawak.


"Menyedari kekangan yang dialami NGO ini, pihak UiTM tidak akan menolak sekiranya bantuan diperlukan oleh Aman Palestin" ujarnya semasa Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Aman Palestin di Bilik Perdana, UiTM Kampus Samarahan 1 pada 25 Ogos yang lalu.

Upacara penyampaian *mock cheque* kepada Aman Palestine telah disampaikan sendiri oleh Prof. Dato' Dr. Jamil Hamali kepada Saudara Zainizam Bin Zawawi, Pengurus Aman Palestin Cawangan Sarawak.

Program Pemantapan Destinasi Siswa Siswi September 2014 UiTM (Sarawak)

Oleh: Melinda Jindu

Kursus selama sehari ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 27 September 2014 di Hotel Pullman, Kuching anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM (Sarawak). Seramai 500 orang pelajar baru peringkat ijazah telah menghadiri kursus tersebut, termasuk pelajar penerapan dari 11 program. Objektif utama kursus ini adalah untuk menyediakan pelajar dari segi mental dan fizikal sebelum menempuh alam universiti. Rektor UiTM (Sarawak), YBhg. Prof. Dato Dr Jamil Haji Hamali turut menyampaikan amanat beliau pada sebelah pagi diikuti taklimat UiTM Di Hatiku & Tanah Airku yang disampaikan oleh En. Hazis bin Wahab. Pada sebelah petang pula, pelajar dipecahkan kepada kumpulan mengikut fakulti untuk sesi bersama Ketua Pusat Pengajian masing-masing. Aktiviti suai kenal seperti ini sering diadakan pada setiap semester, khusus untuk siswa-siswi yang akan mengikuti program Ijazah Sarjana Muda di Universiti Teknologi MARA Sarawak.



Amanat Rektor



Sesi Bersama Fakulti Fakulti
Pertandingan Dan Agroteknologi



Sesi Bersama Fakulti - Fakulti Sains, Gunung

2nd BORNEO RESEARCH EDUCATION CONFERENCE (BREC) 2014

By Corina Joseph

The 2nd Borneo Research Education Conference (BREC) was successfully organised on 26th and 27th August 2014 at the Islamic Information Centre, Kuching Sarawak.

The conference, which was hosted by Swinburne University of Technology, Sarawak Campus, was co-organized with Universiti Teknologi MARA Sarawak, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Curtin University, Sarawak Campus and Universiti Malaysia Sabah (UMS).

The theme for BREC 2014 was "Developing as a researcher by doing meaningful research." It had two key aspects: 1) Developing as a Researcher and 2) Doing Meaningful Research. Over 30 papers were presented during the two-day conference. Together with other organizing committee members from other four universities, Associate Professor Dr Firdaus Abdullah and Dr Corina Joseph represented UiTM Sarawak as Conference Convenors. A few UiTM Sarawak lecturers were also involved as the conference paper reviewers. For two consecutive years, Dr Nurhani Aba Ibrahim was chosen as one of the recipients for the Best Reviewer Award. Congratulations, Dr Nurhani.



Organizing committee,
reviewers and participants



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

**Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**